
Aturan urusan mesyuarat

13. (1) Urusan bagi setiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Speaker, setelah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat, menetapkan aturan yang lain:

- (a) Speaker masuk ke dalam Dewan secara rasmi;
- (b) Membaca doa;
- (c) Ahli-ahli baru mengangkat sumpah;
- (d) Titah daripada Duli yang Maha Mulia;
- (e) Pemasyhuran daripada Speaker;
- (f) Rayuan;
- (g) Pertanyaan kepada Menteri Besar;
- (h) Permintaan hendak menangguhkan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan;
- (i) Penerangan daripada Menteri Besar;
- (j) Ucapan pujian;
- (k) Ucapan-ucapan takziah;
- (l) Memberi penerangan sendiri;
- (m) Membawa Rang Undang-undang Kerajaan ke dalam Mesyuarat;
- (n) Usul berkenaan Aturan Urusan Mesyuarat (hendaklah dikeluarkan oleh Menteri Besar);
- (o) Usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang;
- (p) Urusan am; dan
- (q) Ucapan Ketua Pembangkang.

Ucapan Ketua Pembangkang

14A. (1) Ketua Pembangkang boleh pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Tetap 13, berdiri di tempatnya dan memberikan ucapan beliau kepada Dewan mengikut teks ucapan yang telah dihantar terlebih dahulu kepada Speaker tidak kurang daripada dua hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Teks ucapan itu tidak boleh melebihi dua ribu patah perkataan dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungjawab Menteri Besar dan perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat yang sama dan Menteri Besar bolehlah menjawabnya.

(2) Menteri Besar hendaklah memberikan jawapan dan/atau maklum balas kepada ucapan Ketua Pembangkang tersebut secara lisan dan hanya Ketua Pembangkang boleh bangun untuk mendapatkan penjelasan (jika ada).

(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan (2), usul menangguhkan Dewan akan dikeluarkan.